

TERHAD



PASUKAN KADET BERSATU MALAYSIA DARAT

PANDUAN PENGURUSAN ARAHAN PENTADBIRAN DAN LATIHAN

**Diterbitkan Oleh Kementerian Pelajaran
Malaysia Dengan Kerjasama Tentera Darat
Malaysia 2010**

TERHAD

Maklumat yang terkandung dalam manual ini tidak boleh diberi dengan secara langsung atau tidak langsung kepada akhbar atau kepada sesiapa sahaja yang tidak berhak menerimanya.

**PANDUAN PENGURUSAN
PASUKAN KADET BERSATU MALAYSIA
DARAT**

ARAHAN PENTADBIRAN DAN LATIHAN

2010

KANDUNGAN

	Muka Surat
Kandungan	i
Syarat – syarat Edaran	ii
Prakata	iii
Kata-Kata Aluan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	v
Kata-Kata Aluan Panglima Tentera Darat	iv

	Muka Surat
1. Bahagian I - Organisasi	8 - 14
2. Bahagian II - Latihan	15 - 38
3. Bahagian III - Penilaian	39 - 51
4. Bahagian IV - Keanggotaan dan Pentadbiran	52 - 87
5. Bahagian V - Logistik	88 - 98
6. Akta Pasukan Kadet Bersatu Malaysia 1967	99 – 107
7. PENAMBAHAN	108

SYARAT-SYARAT EDARAN

1. Manual ini mengandungi maklumat yang berdarjah.
2. Manual ini mestilah dilindungi di bawah peraturan standard keselamatan yang dikuatkuasa oleh kerajaan bagi maklumat yang mempunyai darjah yang sama.
3. Manual ini tidak boleh diberi kepada negara lain tanpa kebenaran bertulis Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
4. Manual ini tidak boleh digunakan untuk tujuan selain daripada tujuan ketenteraan.
5. Manual ini tidak boleh didedahkan kepada organisasi bukan berbentuk keselamatan melainkan diberi oleh Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pelajaran Malaysia.



PRAKATA

Buku Panduan Pengurusan – Arahan Pentadbiran dan Latihan PKBM Darat ini adalah menggantikan buku panduan cetakan 1997 dan digubal dengan tujuan untuk memberi maklumat terkini mengenai kesemua aspek atau kaedah pengurusan PKBM Darat. Penjelasan mengenai kaedah pengurusan merangkumi perkara Organisasi, Latihan, Penilaian Kadet, Keanggotaan & Pentadbiran, Logistik dan Perundangan.

Panduan ini dijadikan sebagai rujukan utama perihal pengurusan PKBM Darat. Menerusi panduan ini sekaligus akan dapat membantu semua pihak yang terlibat berkenaan pelaksanaan Program Latihan Kadet PKBM Darat. Justeru, semua aspek pengurusan akan merujuk kepada ketetapan yang terdapat dalam panduan ini.

Panduan ini disusun dalam Enam Bahagian yang merangkumi **Organisasi, Latihan, Penilaian, Keanggotaan & Pentadbiran, Logistik dan Akta PKBM 1967**. Sehubungan itu, kandungan panduan ini telah disusun dengan rapi supaya pihak pengurusan, Pegawai PKBM (Guru) dan jurulatih serta anggota Kadet PKBM dapat memahaminya dengan mudah seiring dengan peraturan-peraturan terkini.

Secara amnya, **Bahagian Satu** mengutarakan mengenai matlamat, objektif dan tugas organisasi dan individu. **Bahagian Dua** menerangkan silibus dan latihan yang perlu dilakukan oleh Kadet PKBM Darat mengikut kategori kadet. **Bahagian Tiga** memberi penumpuan kepada Latihan Penilaian yang perlu dilalui oleh setiap anggota kadet. **Bahagian Empat** menjelaskan peraturan pendaftaran keahlian dan kenaikan pangkat kadet, perlantikan dan kenaikan pangkat Pegawai PKBM dan kaedah pemakaian uniform PKBM Darat. **Bahagian Lima** menumpukan aspek bantuan logistic dan prosedur semak stok. **Bahagian Enam** memaklumkan perihal perundangan berhubungkait dengan Akta Parlimen Malaysia.



KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 memberi fokus kepada keberkesanan pelaksanaan dasar pelajaran yang dapat melahirkan masyarakat bersepadu, berdisiplin dan terlatih. Tenaga rakyat bukan sahaja perlu dilihat dari segi kemahiran yang dimilikinya, tetapi juga dari aspek nilai disiplin yang dipupuk dan disuburkan dalam diri mereka.

Justeru itu, Kementerian Pelajaran telah menetapkan supaya penerapan nilai-nilai disiplin dan nilai-nilai murni dilaksanakan secara bersepadu serta merentas semua aktiviti di sekolah, sama ada di dalam pengajaran formal di bilik darjah, mahupun semasa pelaksanaan kegiatan kokurikulum pasukan pakaian seragam. Kementerian Pelajaran kini memberi tumpuan kepada usaha untuk menentukan supaya semua pelajar terutamanya di sekolah menengah menjadi anggota pasukan pakaian seragam.

Penubuhan pasukan kadet di sekolah adalah di antara usaha Kementerian Pelajaran ke arah mencapai hasrat ini. Dengan sokongan semua agensi kerajaan yang berkaitan, seperti Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Pertahanan Awam dalam membekalkan tenaga mahir untuk memberi latihan dan bimbingan serta ilmu bidang khusus kepada guru mahupun pelajar, dengan bantuan dan kemudahan logistik, nescaya kegiatan pasukan pakaian seragam kadet menjadi amat menarik dan diminati.

Disember 2010

Dato' Abdul Ghafar bin Mahmud
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia



TERHAD



KATA-KATA ALUAN

Buku panduan ini disediakan untuk memberi panduan mengenai tatacara pengurusan Program Latihan PKBM Darat khususnya kepada Pengetua Sekolah, Pegawai (Guru) PKBM Darat dan Jurulatih PKBM Darat. Disamping itu, maklumat-maklumat yang terkandung di dalam buku panduan ini juga boleh digunakan oleh Pemerintah Unit Gabungan sebagai rujukan.

Buku panduan ini hendaklah dibaca dan difahami sepenuhnya oleh semua Pegawai (guru) dan Jurulatih PKBM serta Staf yang terlibat sepenuhnya dalam urusan pentadbiran, latihan dan logistik PKBM Darat agar mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Selain itu buku panduan ini juga menjelaskan beberapa perkara mengenai aspek perundangan.

Kefahaman yang mendalam terhadap buku ini amat perlu bagi menjamin mutu latihan dan pengurusan Program Latihan PKBM Darat. Buku panduan ini merupakan hasil kajian semula dan menggantikan Buku Panduan Pengurusan – Arahan Pentadbiran dan Latihan PKBM Darat 1997. Panduan ini hendaklah dikemaskinikan dari masa ke semasa agar isi kandungannya tepat, relevan dan bersesuaian dengan peraturan semasa.

**Markas Tentera Darat
Kementerian Pertahanan**

Dikeluarkan Dengan Perintah

**DATUK SERI ZULKIFELI BIN MOHD ZIN
Jeneral
Panglima Tentera Darat**

TERHAD

BAHAGIAN I

ORGANISASI

AM

1. Kegiatan Pasukan Kadet Bersatu Malaysia bermula dengan tertubuhnya Ordinan Kor Kadet Persekutuan Tanah Melayu 1952 (No. 46). Ordinan tersebut telah diganti dengan Akta Pasukan Kadet Bersatu Malaysia 1967 (Akta 417). Berdasarkan Akta ini, Menteri Pelajaran selepas berunding dengan Majlis Angkatan Tentera (MAT) diberi kuasa untuk menentukan kaedah-kaedah berhubung dengan:

- a. Tahap latihan yang perlu dijalani dan taraf yang perlu dicapai oleh anggota PKBM dari masa ke semasa.
- b. Kehadiran anggota untuk menjalani latihan dan kursus.
- c. Pakaian seragam, senjata dan kelengkapan pasukan.
- d. Tapisan keselamatan anggota.

2. Akta ini juga membolehkan Majlis Angkatan Tentera membuat perintah-perintah tetap atau peraturan-peraturan atau kaedah-keadah berhubung dengan pengelolaan, pentadbiran dan latihan menyeluruh pasukan, khususnya tentang perkara-perkara berikut:

- a. Pengeluaran dan penjagaan senjata, peralatan, bahan letupan, bekalan, pakaian dan kelengkapan.
- b. Penyata-penyata, buku-buku dan bentuk surat menyurat.

MATLAMAT

3. Matlamat PKBM adalah untuk melahirkan individu yang berdisiplin, bersemangat patriotik, dan mempunyai daya kepimpinan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Negara.

OBJEKTIF


4. Objektif utama PKBM Darat adalah:

- a. Untuk menanamkan kepada mereka sifat kepimpinan serta cinta akan tanah air agar mereka menjadi warganegara yang baik dan patriotik sama ada sebagai pemimpin atau sebagai pengikut dalam masyarakat Malaysia.
- b. Untuk menyemaikan sikap berdisiplin, bertanggungjawab dan berani bagi membina personaliti masing-masing.
- c. Untuk mengeratkan dan meningkatkan lagi persefahaman serta kerjasama antara masyarakat awam dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya Tentera Darat (TD).

TERHAD

ORGANISASI

5. Organisasi bagi sesebuah platun dan kompeni PKBM hendaklah distrukturkan seperti berikut:

STRUKTUR ORGANISASI KOMPENI DAN PLATUN PKBM DARAT**PERJAWATAN MARKAS KOMPENI**

PANGKAT	* MEJ	* KAPT	PW II	SSJN	SJN	KPL	LKPL	KADET	JUMLAH
PERJAWATAN	1	1	1	1	-	-	-	-	4

PERJAWATAN PLATUN

PANGKAT	* SUB	SJN	KPL	LKPL	KADET	JUMLAH	CATATAN
PERJAWATAN	1	1	3	3	24	32	

Nota : * Guru

PEMBENTUKAN UNIT BARU

6. Bagi menubuhkan satu Platun PKBM prosedur berikut hendaklah dipatuhi:
- a. Pengetua Sekolah hendaklah membuat permohonan secara bertulis kepada Bahagian Seni, Sukan dan Kokurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Surat tersebut hendaklah melalui Pengarah Pelajaran Negeri dan salinan kepada Markas Briged.
 - b. Permohonan ini akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penasihat Latihan PKBM (JKPLPKBM) untuk disokong dan dimajukan terus kepada Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum, KPM.
 - c. Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum, KPM akan membuat kajian keperluan dan majukan ke MK Medan TD.
 - d. MK Medan TD akan mengkaji keperluan dari segi kemampuan serta peruntukan kewangan, peralatan dan penglibatan pasukan gabungan.
 - e. Apabila semua pihak mendapat persetujuan barulah unit baru itu diluluskan. Saluran pemerintahan bagi menubuhkan sesebuah unit PKBM baru adalah seperti **Kembaran A** kepada bahagian ini.

JAWATANKUASA PENASIHAT LATIHAN PKBM (JKPLPKBM)

7. Jawatankuasa Penasihat Latihan PKBM hendaklah ditubuhkan di setiap negeri bagi menasihati serta menggerakkan kegiatan, latihan dan pentadbiran PKBM. Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai oleh:

- a. Pengerusi Bersama
 - Panglima Briged.
 - Pengarah Pelajaran Negeri.
- b. Sekretariat Bersama
 - Pegawai Staf 2 Latih Briged.
 - Pegawai Kokurikulum Negeri.
- c. Ahli
 - Pegawai Memerintah Unit Gabungan.
 - Pegawai Pemerintah Unit Gabungan.
 - Pegawai Pelajaran Daerah.
- d. Ahli turut hadir
 - Pegawai Staf 2 PKBM, MK Medan TD.
 - Pegawai Staf 2 Latih MK Divisyen.
 - Pegawai Kokurikulum KPM.

8. **Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa.** Tugas dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- a. Merancang aktiviti PKBM berdasarkan Buku Panduan Pengurusan PKBM.
- b. Meneliti kemajuan aktiviti PKBM serta memberi nasihat berhubung dengan perkembangan latihan.

TERHAD

- c. Menyelesaikan masalah pentadbiran dan latihan yang wujud dalam mentadbirkan PKBM.
- d. Mengeratkan perhubungan serta saling berkomunikasi antara MK Formasi dan Staf Pelajaran di PPD dan JPN.
- e. Mengadakan perjumpaan/mesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun.
- f. Menyokong penubuhan pasukan/platun baru dan membubarkan pasukan yang didapati tidak aktif.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN PERTAHANAN

9. **MK Medan TD.** Bertanggungjawab untuk mengemaskini dasar-dasar dan arahan tentang perkara-perkara yang berkaitan bagi membantu pelaksanaan latihan PKBM Darat meliputi perkara berikut:

- a. Mendaftarkan keanggotaan/keahlian PKBM.
- b. Merancang keperluan Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM).
- c. Mengawal pinjaman dan penjagaan senjata, peluru dan bahan letupan.
- d. Mengawal pengeluaran rangsum.
- e. Mengawal pengeluaran Stor Ordnan (peluru, pakaian dan peralatan).
- f. Menetapkan syarat perlantikan dan pengesahan perlantikan pegawai-pegawai PKBM.

10. **Markas Formasi.** Tugas dan tanggungjawab MK Divisyen dan MK Briged adalah seperti berikut:

- a. Bertanggungjawab mengenai fungsi, kawalan, latihan dan pentadbiran platun PKBM di dalam kawasan tanggungjawab (KTJ).
- b. Menentukan kegiatan PKBM dijalankan dengan teratur.
- c. Melantik pegawai bagi mengawasi kegiatan PKBM.
- d. Menjalin hubungan/komunikasi dengan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) berkaitan PKBM dengan menganggotai JKPLPKBM.
- e. Menyelaras serah terima tanggungjawab pengurusan PKBM antara unit gabungan sekiranya berlaku pertukaran tanggungjawab unit gabungan.
- f. Menyelaras bantuan latihan dan logistik kepada unit gabungan dan sekolah bagi mencapai tahap kecekapan dan objektif yang digariskan.

TERHAD

11. **Unit Gabungan.** Unit-unit gabungan hendaklah menentukan pelaksanaan semua aktiviti unit PKBM. Tugas dan tanggungjawab unit gabungan adalah seperti berikut:

- a. Membantu koordinasi latihan dan pentadbiran PKBM.
- b. Menyediakan keperluan bantuan jurulatih yang layak dan sesuai, peralatan yang cukup dan logistik yang teratur dalam melaksanakan latihan PKBM.
- c. Bertindak sebagai penasihat latihan dan logistik terutama semasa perkhemahan tahunan.
- d. Menguruskan pakaian/peralatan PKBM dan pemeriksaan/pelupusan pakaian/peralatan setiap enam bulan sekali. Laporan Pemeriksaan dan Pelupusan hendaklah dimajukan ke MK Bgd dalam masa dua minggu selepas tarikh pemeriksaan.
- e. Menghantar laporan tahunan kegiatan latihan PKBM ke MK Bgd sebelum 15 November tahun berkenaan dan mencadangkan perkembangan latihan dan pentadbiran jika ada.
- f. Membantu unit PKBM dalam merancang latihan luar dan latihan kembara.
- g. Mengekalkan saluran perhubungan dengan unit PKBM sepanjang masa.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA (KPM)

12. Tugas dan tanggungjawab KPM adalah seperti berikut:

- a. Menyokong penubuhan unit PKBM atas Kementerian Pertahanan.
- b. Memproses perantikan pegawai-pegawai PKBM.
- c. Mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai PKBM yang didapati cuai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.
- d. Pengarah Pelajaran Negeri (PPN) hendaklah menjadi Pengerusi Bersama dalam JKPLPKBM.
- e. Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) bertanggungjawab menyelaraskan perhubungan antara sekolah-sekolah berkaitan dengan aktiviti PKBM.
- f. Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) bertanggungjawab menyelaraskan penugasan Pegawai/Guru PKBM dalam aktiviti pentadbiran dan latihan PKBM.
- g. Pengetua Sekolah bertanggungjawab terhadap semua aspek pentadbiran PKBM.
- h. Pengetua Sekolah perlu sentiasa berhubung rapat dengan Pegawai Memerintah/Pemerintah Unit Gabungan bagi tujuan penyelarasan tugas dan aktiviti unit PKBM.

TERHAD

- i. Pengetua Sekolah bertanggungjawab melantik seorang Pegawai PKBM sebagai Pemerintah Unit dan seorang pembantu di sekolah.
- j. Pengetua Sekolah bertanggungjawab untuk membuat penilaian terhadap anggota kadet bagi menentukan pencapaian mutu latihan individu.
- k. Membuat perantikan anggota kadet yang sesuai dan berkelayakan untuk memegang jawatan Pegawai Tanpa Tauliah (PTT).

PEGAWAI PKBM (GURU)

13. Pegawai PKBM di sekolah bertanggungjawab:

- a. Menghadiri Kursus Asas Bakal Pegawai PKBM Darat dan Kursus Lanjutan Pegawai PKBM Darat di Pusat Latihan Darat.
- b. Mendaftarkan keahlian Kadet pada setiap tahun (pada 2 Jan hingga 30 Mac).
- c. Bertanggungjawab kepada Pengetua Sekolah dan Pegawai Memerintah/Pemerintah Unit Gabungan berkaitan dengan taraf, mutu, kecekapan dan pentadbiran PKBM.
- d. Memastikan semua aspek latihan diatur dengan betul.
- e. Memproses perantikan anggota kadet yang sesuai dan berkelayakan untuk memegang jawatan Pegawai Tanpa Tauliah (PTT).

PENOLONG PEGAWAI PKBM (PENOLONG GURU PKBM)

14. Seorang penolong dilantik untuk membantu pegawai PKBM menjalankan tugas-tugas berikut:

- a. Melaksanakan semua tugas pegawai PKBM semasa ketiadaanya.
- b. Membantu dalam semua aspek latihan dan pentadbiran.
- c. Menentukan peralatan untuk latihan adalah mencukupi.
- d. Mengemaskini senarai nama Kadet Pelapis, Kadet Junior dan Kadet Senior.
- f. Tugas-tugas lain yang diberikan oleh Pengetua Sekolah dan Pegawai PKBM.

SIMPANAN

15 - 20.

TERHAD

**KEMBARAN A KEPADA
BAHAGIAN I**

**TATACARA PENUBUHAN UNIT BARU
PASUKAN KADET BERSATU MALAYSIA DARAT**



Petunjuk:

SALURAN PEMERINTAHAN 
SALURAN PERHUBUNGAN 

BAHAGIAN II

LATIHAN

AM

1. Kejayaan dan pencapaian PKBM sebagai satu pasukan akan bergantung kepada jenis dan kesungguhan latihan yang diberi dan peringkat/tahap yang dicapai. Walau bagaimanapun, latihan akan mencapai tahap yang diharapkan jika dirancang dengan teliti, diatur dengan sempurna dan dipantau dengan sepenuhnya. Ini semua berkehendakkan program (takwim) yang praktikal, pengurusan Kadet di peringkat sekolah teratur, khidmat jurulatih yang terlatih, dan juga kesungguhan serta dedikasi kadet-kadet itu sendiri. Ringkasnya kejayaan latihan PKBM memerlukan kerjasama kadet, pihak berkuasa sekolah dan unit gabungan Tentera Darat.
2. Latihan unit PKBM hendaklah berdasarkan sukatan pelajaran (latihan) yang ditetapkan untuk keseragaman. Arahan dalam bahagian ini membentangkan bidang dan peringkat latihan yang perlu diikuti dan dilalui oleh semua anggota Kadet PKBM Darat di seluruh Malaysia.

OBJEKTIF

3. Objektif latihan PKBM Darat adalah:
 - a. Menanam sifat kepimpinan serta cintakan tanahair agar menjadi warga negara yang baik dan patriotik sama ada sebagai pemimpin atau pengikut (rakyat jelata).
 - b. Menyemaikan sikap berdisiplin, bertanggungjawab dan berani bagi membina personaliti masing-masing.
 - c. Mengeratkan dan meningkatkan lagi persefahaman serta kerjasama antara masyarakat awam dengan ATM/TD.

KEGIATAN LATIHAN

4. Latihan PKBM seharusnya progresif dan Kadet PKBM perlu didedahkan kepada latihan ketenteraan yang asas sahaja sebelum melibatkan diri dalam latihan lanjutan. Oleh itu di peringkat permulaan latihan, penumpuan hendaklah diberikan kepada aktiviti kawad, latihan senjata dan membaca peta. Kegiatan-kegiatan untuk memupuk kecergasan jasmani hendaklah juga dimasukkan ke dalam program latihan dimana yang sesuai. Kegiatan latihan lanjutan meliputi perkara seperti berikut:
 - a. Ilmu medan perang (IMP).
 - b. Ikhtiar hidup.
 - c. Merentas halangan.
 - d. Perkhemahan tahunan.

TERHAD

- e. Latihan kembara.
5. Kesemua perkara di atas dijalankan setelah kadet-kadet itu mahir dalam kemahiran asas tentera. Di samping itu, anggota PKBM perlu didedahkan dengan kegiatan-kegiatan khidmat masyarakat seperti gotong-royong, lawatan/ziarah ke rumah kebajikan, pusat pengajian tinggi dan lain-lain. Aktiviti kerohanian perlu juga diterapkan ke dalam aktiviti PKBM.
6. Matlamat hendaklah ditetapkan untuk setiap latihan perkhemahan tahunan. Program latihan tersebut hendaklah disusun rapi supaya semua usaha ditumpukan ke arah pencapaian matlamat tersebut. Kejayaan tidak akan tercapai kecuali satu rancangan latihan yang tersusun disediakan terlebih dahulu dan dilaksanakan dengan sepenuhnya.
7. Semua usaha untuk menjayakan latihan hendaklah diselaraskan dengan teratur bagi mencapai maklumat latihan. Penyediaan sukatan pelajaran/latihan dan jadual hendaklah berpanduan kepada perkara-perkara berikut:
 - a. Semua latihan PKBM hendaklah berkesan, menarik minat dan progresif.
 - b. Hanya latihan asas ketenteraan sahaja dilaksanakan oleh semua Kadet Pelapis dan Kadet Junior.
 - c. Unit gabungan dikehendaki membantu Pegawai (Guru) PKBM dalam mengendalikan Kursus (Penilaian) Kadet PTT.
 - d. Bakal Pegawai PKBM perlu menghadiri Kursus Asas Bakal Pegawai PKBM yang dijalankan di Pusat Latihan TD - PUSWATAN selama empat minggu.
 - e. Untuk memahami adat resam dan tradisi TD, Kadet PKBM digalakkan untuk menyertai kegiatan anggota tetap ATM/TD yang diadakan di unit tentera.
 - f. Konsep pelaksanaan latihan hendaklah dirancang mengikut Latihan Kadet Pelapis, Latihan Kadet Junior dan Latihan Kadet Senior.
 - g. Kadet yang berjaya menamatkan latihan akan dianugerahkan dengan Sijil Penyertaan seperti di **Kembaran A**.

JADUAL LATIHAN

8. Pusingan Latihan ialah dari 2 Januari hingga 31 Disember.
9. Latihan hendaklah bermula pada bulan Januari dan berakhir pada penghujung bulan Ogos. Latihan berkumpulan tahunan diadakan pada bulan September hingga Disember. Perkhemahan tahunan diadakan semasa cuti penggal persekolahan.
10. Pengambilan Kadet Pelapis hendaklah dibuat dari murid Tingkatan Satu pada awal penggal pertama persekolahan. Ini adalah bagi membolehkan mereka dapat memulakan latihan asas ketenteraan dibawah kawalan Pegawai/Guru PKBM dan bimbingan oleh Kadet Senior (tidak melibatkan Jurulatih Tentera).

TERHAD

11. Kadet Pelapis yang lulus penilaian akan dipertimbangkan/didaftarkan sebagai anggota PKBM Junior apabila berada di Tingkatan Dua.

SUKATAN PELAJARAN LATIHAN

12. Latihan PKBM hendaklah dirancang mengikut peringkat seperti berikut:

- a. **Latihan Kadet Pelapis**. Bagi Kadet Pelapis yang berada di Tingkatan 1, latihan mereka hendaklah diasaskan kepada "Sukatan Pelajaran Latihan Kadet Pelapis" seperti di **Kembaran B**.
- b. **Latihan Kadet Junior**. Bagi Kadet PKBM Tingkatan 2 dan 3, latihan mereka berdasarkan kepada "Sukatan Pelajaran Latihan Kadet Junior" seperti di **Kembaran C**.
- c. **Latihan Kadet Senior**. Semua kadet Tingkatan 4, 5 dan 6 yang layak dikehendaki menjalani latihan berasaskan kepada "Sukatan Pelajaran Latihan Kadet Senior". Pada masa yang sama mereka ini perlu menghadiri Kursus Kadet PTT PKBM. Sukatan pelajaran seperti di **Kembaran D**.

LATIHAN PERKHEMAHAN TAHUNAN

13. Latihan perkhemahan tahunan PKBM mesti diadakan pada setiap tahun. JKPLPKBM perlu merancang perkhemahan ini secara berpusat di peringkat negeri. Jika aktiviti perkhemahan ini tidak dapat dilaksanakan secara berpusat di peringkat negeri, maka aktiviti ini boleh dilaksanakan di peringkat unit gabungan.

14. Objektif latihan perkhemahan ini adalah untuk:

- a. Mempraktikkan kebolehan memimpin.
- b. Memupuk semangat setiakawan.
- c. Memupuk semangat bekerja secara berkumpulan.
- d. Meningkatkan semangat juang.
- e. Menyuburkan semangat kembara.

LATIHAN MENEMBAK

15. Latihan menembak bagi Kadet PKBM hendaklah diadakan oleh unit gabungan sekurang-kurangnya sekali setahun. Latihan ini boleh diadakan sama ada semasa latihan berkumpulan atau mengikut waktu-waktu khusus yang diperuntukkan oleh unit gabungan.

16. Praktis-praktis dalam latihan menembak adalah seperti di **Kembaran E**. Unit gabungan hendaklah merancang penggunaan peluru berdasarkan Skala Peluru Latihan Menembak yang disediakan di **Kembaran F**.

TERHAD

17. Setiap anggota Kadet PKBM mesti diawasi oleh seorang pengasuh dari unit gabungan semasa latihan menembak. Unit gabungan juga perlu mengambil langkah keselamatan yang terperinci semasa melaksanakan latihan ini. Setiap kadet yang mengambil bahagian dalam latihan menembak perlu faham peraturan-peraturan dalam Perintah Tetap Lapangasar. Disamping itu unit gabungan perlu mengeluarkan arahan pelaksanaan latihan menembak kepada unit PKBM (sekolah) berkenaan dan salinan kepada MK Formasi (Bgd).

KAWASAN LATIHAN

18. Latihan boleh dilaksanakan di kawasan sekolah. Walau bagaimanapun beberapa latihan terhadap boleh dijalankan di lokasi unit gabungan. Kawasan yang terpilih untuk latihan medan perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkaitan.

PELURU LATIHAN

19. Peruntukan tahunan ini bolehlah dikaji semula pada masa hadapan apabila data yang lengkap mengenai penggunaan yang telah lalu dikonsolidasikan. Semua permohonan untuk peluru latihan akan dimajukan oleh unit gabungan kepada MK Medan TD menerusi MK Bgd dan MK Div berkaitan.

KELENGKAPAN LATIHAN

20. Unit Gabungan hendaklah membantu platun PKBM dari aspek menyediakan keperluan senjata dan kelengkapan serta alat bantuan latihan semasa latihan berterusan, latihan berkelompok dan perkhemahan tahunan.

KELULUSAN LATIHAN

21. Semua latihan sama ada kelompok, latihan menembak atau pun perkhemahan tahunan hendaklah mendapat kelulusan daripada MK Bgd dan maklum kepada MK Medan TD. Permohonan kelulusan penggunaan peluru, rangsum dan PMP hendaklah dibuat dan mestilah sampai di MK Medan TD sekurang-kurangnya 14 hari bekerja lebih awal dengan menggunakan borang di **Kembaran G**.


SIMPANAN

22-30

TERHAD

KEMBARAN A KEPADA
BAHAGIAN II

CONTOH SIJIL PENYERTAAN KADET

	
Sijil Penyertaan	
Adalah diakui bahawa No. Pangkat	
Nama	
telah menjadi ahli Pasukan Kadet Bersatu Malaysia	
Sekolah	
Dari hingga	
dan telah menyandang jawatan:	
a.	
b.	
c.	
Pengarah Pelajaran Negeri	Panglima Briged

A - 1

TERHAD

**KEMBARAN B KEPADA
BAHAGIAN II**

**SUKATAN PELAJARAN/LATIHAN KADET PELAPIS
JANGKA MASA - DUA PENGGAL DI TINGKATAN SATU**

TUJUAN

Untuk melatih kadet pelapis dalam latihan asas ketenteraan sehingga ke peringkat yang diperlukan untuk menjadi seorang kadet PKBM.

INGATAN

1. Penuntut-penuntut di Tingkatan Satu boleh menghadiri latihan Kadet Pelapis.
2. Latihan dijalankan mulai 2 Januari sehingga 31 Disember setiap tahun.
3. Latihan biasa akan dilaksanakan:
 - a. Sekali seminggu, sebanyak empat waktu setiap minggu dan setiap waktu selama 40 minit.

- b. Pecahan latihan adalah seperti berikut:

(1) Penggal Pertama - 12 minggu

(2) Penggal KeDua - 15 minggu

Jumlah = 27 minggu

TERHAD

Bil	Perkara	Ajar	Latih	Jumlah
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
	MATA PELAJARAN BLOK			
1.	Kawad	32	-	32
2.	Pengenalan Latihan Senjata	2	-	2
3.	Pengenalan Membaca Peta	6	11	17
4.	Asas Ketenteraan	6	-	6
5.	Penilaian	-	8	8
	Jumlah	46	19	65
	MATA PELAJARAN TERPERINCI KAWAD KAKI (KK)			
	Rujuk: BUKU KAWAD TD			
1.	Sedia, senang diri, rehatkan diri	2	-	2
2.	Jadikan tiga barisan dan luruskan barisan	3	-	3
3.	Nombor dan nyatakan, buka / tutup barisan	2	-	2
4.	Masuk baris	2	-	2
5.	Berpusing dan separuh pusing	2	-	2
6.	Bersurai dan keluar baris	2	-	2
7.	Berjalan dan berhenti dalam masa cepat	2	-	2
8.	Langkah panjang, langkah pendek, langkah ke hadapan dan ke belakang, langkah ke sebelah	3	-	3
9.	Belok, berpusing dan berjalan menyerong dalam masa cepat	2	-	2
10.	Tukar langkah dalam masa cepat	2	-	2
11.	Jadikan skuad dalam masa cepat	1	-	1
12.	Untuk menjadikan dua barisan dari tiga barisan, untuk menjadikan tiga barisan dari dua barisan	3	-	3

TERHAD

(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
13.	Skuad berjalan menghadap tiga barisan dan jadikan berjalan dalam satu barisan. Skuad dalam tiga barisan berjalan dalam satu barisan	3	-	3
14.	Hormat semasa berhenti, hormat semasa berjalan, hormat semasa tidak pakai pakaian kepala dan semasa berpakaian awam dan lain-lain	3	-	3
	Jumlah	32	-	32
	Pengenalan kepada senjata			
1.	Pengenalan dan keselamatan senjata	2	-	2
	Jumlah	2	-	2
	Pengenalan membaca peta			
	Rujuk: Buku Rujukan Peperangan Darat, Pamflet No. 4 – Membaca Peta 1986 (KOD T 3511)			
1.	Pengenalan kepada peta	2	1	3
2.	Tanda-tanda atas peta	1	1	2
3.	Pengenalan membaca peta, grid dan cara ambil grid	1	1	2
4.	Mengenal servis protractor dan penggunaan	1	2	3
5.	Mengenal kompas prismatic dan penggunaan	1	2	3
6.	Latihan <i>orienteering</i> (dalam kem)	-	4	4
	Jumlah	6	11	17

TERHAD

(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
	PENGETAHUAN ASAS KETENTERAAN			
1.	Tatatertib Tentera	1	-	1
2.	Memberi tabik dan hormat (asas)	1	-	1
3.	Gaya memakai pakaian seragam dan memeliharanya	1	-	1
4.	Pangkat-pangkat dalam ATM	1	-	1
5.	Organisasi ATM/TD	2	-	2
	Jumlah	6	-	6
	PENILAIAN	-	8	8
	Jumlah	-	8	8
	Jumlah Besar	46	19	65

KEMBARAN C KEPADA
BAHAGIAN II

SUKATAN PELAJARAN/LATIHAN KADET JUNIOR
JANGKA MASA - DI TINGKATAN 2 DAN 3

TUJUAN

Untuk melatih kadet-kadet biasa berkaitan aspek ketenteraan sehingga ke peringkat yang diperlukan sebagai seorang kadet terlatih.

INGATAN

1. Hanya mereka yang telah lulus dalam penilaian latihan Kadet Pelapis boleh diterima untuk latihan Kadet Biasa. Walau bagaimanapun sekolah yang mempunyai pelajar Tingkatan 4 dan 5 (Tingkatan 6 bagi sekolah tertentu) sahaja, latihan kadet akan dimulakan dengan sukatan pelajaran ini.

2. Latihan dijalankan mulai 2 Januari sehingga 30 Disember setiap tahun.

3. Latihan biasa akan dilaksanakan:

a. Sekali seminggu, sebanyak 4 waktu setiap minggu dan setiap waktu selama 40 minit.

b. Pecahan latihan adalah seperti berikut:

(1) Penggal Pertama - 17 minggu

(2) Penggal Kedua - 18 minggu

Jumlah = 35 minggu

TERHAD

Bil	Perkara	Ajar	Latih	Jumlah
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
	MATA PELAJARAN BLOK			
1.	Kawad Kaki	8	-	8
2.	Kawad Senjata	16	-	16
3.	Pelajaran Senjata	4	9	13
4.	Membaca Peta	3	10	13
5.	Ilmu Medan Perang	9	10	19
6.	Pertolongan Cemas	7	7	14
7.	Pembentukan Jati Diri	-	8	8
8.	Penilaian	-	6	6
	Jumlah	47	50	97
	KAWAD KAKI			
1.	(ULANGKAJI) Sedia, senang diri, rehatkan diri, jadikan tiga barisan dan luruskan barisan, nombor dan nyatakan, buka dan tutup barisan, masuk baris, berpusing dan separuh pusing, bersurai, keluar baris	2	-	2
2.	(ULANGKAJI) Berjalan dan berhenti dalam masa cepat/perlahan jalan, langkah biasa/pendek, langkah ke hadapan/belakang, langkah ke sebelah dan belok, berpusing dan berjalan menyerong dalam masa cepat, hentak kaki, maju dan perlahan jalan	2	-	2
3.	Tukar langkah dalam masa cepat dan perlahan jalan, hentak kaki, berjalan dalam barisan, jadikan skuad	2	-	2
4.	Jadikan dua barisan dari tiga barisan dan skuad berjalan bertiga jadikan satu barisan. Skuad dalam tiga barisan berjalan satu barisan, hormat ke hadapan hormat semasa berjalan	2	-	2
	Jumlah	8	-	8

TERHAD

(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
	KAWAD SENJATA			
1.	Sedia, senang diri, rehatkan diri, senang diri dari sedia, bimbit senjata, masuk baris, rusuk senjata dari turun, hormat senjata dari turun, hormat senjata dari rusuk, rusuk dari turun, turun dari hormat	6	-	6
2.	Baring senjata dan angkat senjata, pasang dan tanggal benet, untuk diperiksa tatang senjata, julang dari turun senjata, turun dari julang senjata, junjung dari rusuk, rusuk dari julang senjata	6	-	6
3.	Mengawadkan skuad	4	-	4
	Jumlah	16	-	16
	LATIHAN SENJATA REPAL 5.56 MM			
1.	Isi peluru	1	-	1
2.	Membuka dan memasang	1	2	3
3.	TSM dan lain-lain hentian	1	2	3
4.	Cara-cara menenang dan menembak	1	1	2
5.	Latihan menembak	-	4	4
	Jumlah	4	9	13
	MEMBACA PETA			
1.	Mencari kedudukan dan mengukur jarak atas peta	1	2	3
2.	Lanjutan membaca peta	1	1	2
3.	Merancang perjalanan	1	1	2
4.	Latihan <i>orienteering</i> (dalam kem)	-	2	2
5.	Latihan pandu arah	-	4	4
	Jumlah	3	10	13

TERHAD

(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
	ILMU MEDAN PERANG (IMP)			
1.	Asas Ikhtiar Hidup a. Daya ketahanan b. Kaedah mengenal pasti tumbuhan beracun c. Sumber air	1	1	2
2.	Kebersihan Medan (<i>field hygiene</i>)	1	-	1
3.	Pengenalan kepada ikatan dan simpulan a. Sumber tali medan b. Jenis-jenis ikatan (buka sila, bunga keti dan bunga keti ganda)	1	2	3
4.	Lanjutan Ikhtiar Hidup a. Jenis-jenis perangkap binatang b. Latihan membuat perangkap c. Membuat api	1	2	3
5.	Mengagak jarak dan menunjuk sasaran	1	1	2
6.	Lanjutan ikatan dan simpulan. Meliputi Jenis-jenis ikatan (simpul belit, simpul manok, simpul pengail, simpul pulih dan tindih kasih)	1	1	2
7.	Isyarat senyap	1	1	2
8.	Kawad melintas halangan	1	1	2
9.	Kawad mendirikan pangkalan	1	1	2
	Jumlah	9	10	19
	PERTOLONGAN CEMAS			
1.	Pengenalan kepada struktur tubuh dan sistem pernafasan	1	-	1
2.	Pengenalan kepada asas perubatan (ubat dan peralatan)	1	-	1
3.	Jenis-jenis kecederaan dan perawatan: a. Kecederaan tulang (terkehel, retak, patah dan kecederaan sukan)	2	2	4

TERHAD

(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
	b. Luka dan pendarahan c. Gigitan serangga d. Pitam dan tidak sedarkan diri			
4.	Lanjutan jenis-jenis kecederaan dan perawatan	1	2	3
	a. Renjatan (shock), tercekek dan kelemasan b. Racun-racun dan keracunan c. Terbakar dan melecur d. Histeria			
5.	Pemulihan Kordio Pulmonari (CPR)	1	1	2
6.	Jenis-jenis pengusung medan dan latihan membuat pengusung medan	1	1	2
7.	Mengangkat dan pemindahan pesakit	-	1	1
	Jumlah	7	7	14
	PEMBENTUKAN JATI DIRI			
	Penerapan semangat kenegaraan	-	1	1
	a. Lagu Negaraku b. Ikrar Rukun Negara c. Doa (Dilaksanakan pada awal setiap pertemuan)			
	Lanjutan kepimpinan seperti Pidato/Perucapan Awam	-	2	2
	Lanjutan Latihan Kembaraduga	-	6	6
	a. Merempuh halangan b. Abseiling/rappelling dan junam selesa c. Menyeberangi halangan air			
	Jumlah	-	9	9
	PENILAIAN	-	6	6
	Jumlah		6	6
	Jumlah Besar	47	51	98

KEMBARAN D KEPADA
BAHAGIAN II

SUKATAN PELAJARAN/LATIHAN KADET SENIOR
JANGKA MASA - DI TINGKATAN 4, 5 DAN 6

TUJUAN

Untuk melatih kadet-kadet yang terkanan untuk meninggikan taraf latihan dan menyediakan mereka untuk peperiksaan sijil kader dan kadet pegawai tanpa tauliah supaya mereka boleh membantu dalam latihan sebagai bakal jurulatih

INGATAN

1. Hanya kadet-kadet yang telah lulus dalam Penilaian Kadet Junior akan diterima untuk latihan ini.
2. Latihan dijalankan mulai 2 Jan sehingga 30 Nov setiap tahun.
3. Latihan biasa akan dilaksanakan:
 - a. Sekali seminggu, sebanyak 4 waktu setiap minggu dan setiap waktu selama 40 minit.
 - b. Pecahan latihan adalah seperti berikut:

(1)	Penggal Pertama	-	17 minggu
(2)	Penggal Kedua	-	<u>18 minggu</u>
	Jumlah	=	<u>35 minggu</u>
4. Pelajaran-pelajaran yang belum diajar akan disambung semasa Latihan Kem Tahunan dalam cuti persekolahan.

TERHAD

Bil	Perkara	Teori	Amali	Jumlah
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
	MATA PELAJARAN BLOK			
1.	Kawad Kaki	-	14	14
2.	Kawad Senjata	-	8	8
3.	Pelajaran Senjata	4	4	8
4.	Membaca Peta	-	10	10
5.	Ilmu Medan Perang	3	6	9
6.	Pertolongan Cemas	-	6	6
7.	Pembentukan Jati Diri	-	13	13
8.	Kepimpinan	8	-	8
9.	Penilaian	-	4	4
	Jumlah	15	65	80
	KAWAD KAKI			
1.	Teknik mengajar, prinsip dan peraturan mengajar, cara-cara menyoal dan membetulkan kesalahan, hukuman, masa dan bahasa hukuman	-	6	6
2.	Mata pelajaran seperti berikut:	-	8	8
	a. Sedia, senang diri, rehatkan diri, jadikan tiga barisan			
	b. Luruskan barisan, nombor dan nyatakan, buka dan tutup barisan			
	c. Masuk baris, berpusing dan separuh pusing			
	d. Bersurai, keluar baris dan paras			
	e. Berjalan dan berhenti dalam masa cepat, berjalan dan berhenti dalam masa perlahan			
	f. Berpusing dan berjalan menyerong dalam masa cepat			
	g. Hentak kaki, maju dan berhenti dalam masa cepat dan perlahan, tukar langkah dalam masa cepat dan perlahan			

TERHAD

(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
	h. Berjalan dalam barisan masa perlahan, buka dan tutup barisan i. Tukar haluan dalam masa berhenti dan berjalan masa perlahan, balik dalam barisan dan tukar masa cepat j. Jadikan skuad dari berhenti, dalam masa perlahan. Jadikan skuad dalam masa cepat k. Untuk jadikan dua barisan dari tiga barisan dan tiga barisan dari dua barisan l. Hormat semasa berhenti dan hormat semasa berjalan m. Hormat semasa tidak memakai pakaian kepala dan semasa berpakaian awam dan lain-lain n. Pandang kanan/kiri dan hormat kepada panji-panji			
	Jumlah		14	14
3.	LATIHAN KAWAD SENJATA a. Sedia, senang diri, rehatkan diri, senang diri dari sedia b. Rusuk senjata dari sedia, turun dari rusuk senjata c. Hormat senjata dari rusuk, rusuk dari hormat d. Baring senjata dan angkat senjata e. Pasang dan tanggal benet f. Tatang senjata dari turun senjata dan turun dari tatang senjata g. Tatang dari rusuk dan rusuk dari tatang h. Untuk diperiksa tatang senjata dan periksa senjata	8	-	8
	Jumlah	8	-	8
	LATIHAN SENJATA PERSENDIRIAN (COLT M 16/STYER)			
1.	Jenis-jenis senjata dalam Batalion Infantri	4	-	4
2.	Latihan menembak	-	4	4

TERHAD

	Jumlah	4	4	8
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
	MEMBACA PETA			
1.	Latihan <i>Orienteering</i> (dalam kem)	-	2	2
2.	Latihan Panduarah	-	8	8
	Jumlah	-	10	10
	ILMU MEDAN PERANG			
1.	Ciri-ciri Pangkalan, Keselamatan, Sumber Air dan Perhubungan	1	-	1
2.	Kawad Berlabuh - Jenis dan cara memasang <i>hammock</i> dan <i>ponco</i>	1	3	4
3.	Keselamatan Pangkalan:	1	3	4
	a. Tugas sentri			
	b. Sistem penjadualan sentri			
	c. Kaedah amaran			
	Jumlah	3	6	9
	PERTOLONGAN CEMAS (ULANGKAJI)			
1.	Jenis-jenis kecederaan dan perawatan:	-	4	4
	a. Kecederaan tulang (terkehel, retak, patah dan kecederaan sukan)			
	b. Luka-luka dan pendarahan			
	c. Gigitan serangga			
	d. Pitam dan tidak sedarkan diri			
	e. Renjatan (shock), tercekek dan kelemasan			
	f. Racun dan keracunan			
	g. Terbakar dan melecur			
	h. Sawan dan histeria			
	(ULANGKAJI)			
	Pemulihan Kordio Pulmonari (CPR)	-	2	2

TERHAD

	Jumlah	-	6	6
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
	PEMBENTUKAN JATI DIRI			
1.	Penerapan semangat kenegaraan:	-	1	1
	a. Lagu Negaraku			
	b. Ikrar Rukun Negara			
	c. Doa			
	(Dilaksanakan di awal pertemuan)			
2.	Lanjutan Kepimpinan. Meliputi Pidato/Perucapan awam	-	4	4
3.	Lanjutan Latihan Kembaraduga:	-	8	8
	a. Merentas halangan			
	b. Abseiling/rappelling dan junam selesa			
	c. Menyeberangi halangan air			
	d. Mendaki gunung			
	Jumlah	-	13	13
	KEPIMPINAN			
1.	Pengenalan kepada Kepimpinan	2	-	2
2.	Kepimpinan sendiri	2	-	2
3.	Kepimpinan di peringkat Seksyen dan Platoon	2	-	2
4.	Cara-cara membuat keputusan dan kajian ke atas tokoh-tokoh pemimpin	2	-	2
	Jumlah	8	-	8
	PENILAIAN	-	4	4
	Jumlah	-	4	4
	Jumlah Besar	15	65	80

KEMBARAN E KEPADA
BAHAGIAN II

PRAKTIS LATIHAN MENEMBAK

1. Semua anggota kadet yang berkhidmat dengan PKBM Darat dikehendaki membuat latihan menembak dengan senjata Repal 5.56 mm.

PERINGKAT PERTAMA – TEMBAKAN PENGENALAN

Bil	Latihan (Bentuk Badan)	Sasaran Menembak	Kedudukan	Peluru (Butir)	Lapang- sasar	Perintah
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)
1.	Tembakan Permulaan serta Melaras Senjata	11/59 dengan kertas putih 4" x 3" di tengah - tengah sasaran	Meniarap dengan bantuan guni pasir	7	25m	a. Satu kumpulan dengan 5 butir peluru b. Latihan ini untuk melaras repal c. Penembak boleh memeriksa sasaran untuk mengetahui tumpuan kumpulan peluru
2.	Tembakan Berkumpulan	11/59 dengan kertas putih 4" x 3" di tengah - tengah sasaran (guna 2 sasaran - kembar)	Meniarap	10	25m	a. Satu kumpulan dengan 5 butir peluru dalam satu kedudukan c. Markah kumpulan hendaklah dicatatkan dalam Buku Rekod Tembakan Individu

TERHAD

PERINGKAT KEDUA – PENGELASAN REPAL

Bil	Latihan (Bentuk Badan)	Sasaran Menembak	Kedudukan	Peluru (Butir)	Lapang- sasar	Perintah
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g)
1.	Tembakan satu persatu dalam masa sendiri	11/59	Meniarap Duduk Melutut Berdiri	3 2 2 3	100m	a. Satu lubang satu markah di sasaran. Markah tertingi yang boleh dicapai ialah 10 b. Markah dicatat di dalam Buku Rekod Tembakan Individu
2.	Tembakan berkumpulan dalam masa sendiri	11/59	Meniarap	10	100m	a. Satu lubang satu markah di sasaran. Markah tertingi yang boleh dicapai ialah 10 b. Penembak dikehendaki mencapai kumpulan 8 inci (sekurang- kurangnya)
3.	Tembakan satu persatu dalam masa sendiri	11/59	Meniarap Duduk Melutut Berdiri	3 2 2 3	200m	a. Satu lubang satu markah di sasaran. Markah tertingi yang boleh dicapai ialah 10 b. Markah dicatat di dalam Buku Rekod Tembakan Individu

KEMBARAN F KEPADA
BAHAGIAN II

SKALA PELURU LATIHAN MENEMBAK

Skala Peluru Latihan 5.56 mm.

- | | | |
|----------------------------------|-------------------|-------------------|
| 1. | Peringkat Pertama | - 17 butir |
| 2. | Peringkat Kedua | - 30 butir |
| Jumlah peluru bagi seorang Kadet | | - 47 butir |

PERINGKAT PENGELASAN SENJATA REPAL 5.56 MM

- | | | |
|---------------|--|-------------|
| 3. | Markah tertinggi yang boleh dicapai: | |
| a. | Tembak masa sendiri 100 meter | - 10 |
| b. | Tembak masa sendiri 100 meter | - 10 |
| c. | Tembak masa sendiri 200 meter | - 10 |
| Jumlah Markah | | - 30 |
| 4. | Setiap butir peluru mengenai sasaran mendapat SATU markah. | |

Jaguh	Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Gagal
28 butir ke atas	25-27 butir	20-24 Butir	10-19 butir	9 butir ke bawah

TERHAD

KEMBARAN G KEPADA
BAHAGIAN II

PERMOHONAN UNTUK LATIHAN PUSAT BERTERUSAN -
LATIHAN KHEMAH TAHUNAN

BAHAGIAN I

(Hendaklah diisi oleh Unit Gabungan TD)

Kepada: Markas Briged

1. Kebenaran diminta untuk mengendalikanhari * latihan pusat berterusan/latihan perkhemahan tahunan untuk Kadet PKBM (sekolah)..... Latihan akan dijalankan di mulai tarikh berkumpul pada sehingga tarikh bersurai pada

Pecahan Kadet adalah seperti berikut:

- | | | | |
|----|------------------------|---------|---------------------|
| a. | Pegawai (Guru) PKBM | - | (1 X PI = 1 X Guru) |
| b. | Kadet PTT | - | |
| c. | Kadet | - | |
| d. | Rekrut (Kadet Pelapis) | - | NIL |
| e. | Jumlah semua anggota | - | |

TERHAD

2. Permohonan rangsum dan peluru pagi tujuan latihan ini telah dimajukan melalui rujuk

Jumlah yang di pohon ialah:

- a. Rangsum Basah - hari
- b. Rangsum Bungkus -NIL..... hari
- c. Peluru Hidup 5.56 mm - butir
- d. Peluru Blank -NIL..... butir

Tarikh: Tandatangan:

No/Pkt>Nama :

Cop Unit Gabungan:.....
(Pasukan Penganjur)

TERHAD

BAHAGIAN II

(Hendaklah diisi oleh Markas Briged)

Kepada: Markas Divisyen

